



Ruj. Kami : IPGKBL/HEP/144/845.Jld.9(27)
Tarikh : 4 JULAI 2017

Semua **Graduan** :
PISMP Ambilan Januari 2013 dan Jun 2013,
PPG Ambilan Khas Mac 2014,
KDPM/KDC Ambilan November 2013, dan
PDPLI Ambilan November 2015.

Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-8 INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MELAYSIA TAHUN 2017**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saya dan seluruh warga Institut Pendidikan Guru kampus Batu Lintang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan/puan yang telah berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima ijazah/diploma pada istiadat konvokesyen kali ke-8 yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **27 Ogos hingga 30 Ogos 2017**
Tempat : **Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor.**

3. Sehubungan itu, pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dengan berbesar hati menjemput dan mempersilakan tuan/puan ke istiadat tersebut.

4. Semua graduan yang bersetuju untuk hadir diwajibkan membuat bayaran konvokesyen sebanyak **Dua Ratus Lima Puluh Ringgit (RM250.00)**. Manakala bagi graduan yang tidak dapat hadir diwajibkan membuat bayaran sebanyak **Satu Ratus Ringgit (RM100.00)**. Bayaran tersebut hendaklah dibuat melalui **Kiriman Wang (Money Order)** atas nama "**PENGARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BATU LINTANG**" beralamat di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Kiriman wang ini hendaklah **diserahkan/diposkan** bersama borang-borang yang berkaitan ke institut ini sebelum atau pada **10 Ogos 2017**. Bayaran secara tunai tidak dibenarkan.

5. Tuan/puan **diwajibkan** membuat pengesahan kehadiran pada Portal Konvokesyen **konvo.ipg.edu.my** dengan **kadar segera**. (Sila layari dari semasa ke semasa). Sila muat turun borang-borang yang berkaitan serta semak jadual pendaftaran dan sidang masing-masing.

Pihak IPGK Batu Lintang amat mengalu-alukan kehadiran tuan/puan ke majlis konvokesyen berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ANIS ALISYA ABDULLAH)
Timbalan Pengarah,
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

s.k. Ketua Jabatan HEP